



**TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT TERHADAP KOMUNITI
SETEMPAT: PROGRAM MOTIVASI BERSAMA PERSATUAN
KEBAJIKAN ANAK YATIM DAN MISKIN AL-MUNIRAH, PARIT,
PERAK**

***CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY TOWARDS THE LOCAL
COMMUNITY: A MOTIVATION PROGRAM WITH THE AL-MUNIRAH
WELFARE ASSOCIATION FOR ORPHANS AND THE
UNDERPRIVILEGED, PARIT, PERAK***

**Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin^{a*}, Paiz Hassan^b, Muhammad Yusri Yusof @
Salleh^c, Hamdi Rahman Mohd Yaacob^d, Abd Munir Mohd Noh^e, Muhd Imran Abd.
Razak^f, Mohd Hafiz Rosli^g**

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

^bAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

^cAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

^dAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: hamdi105@uitm.edu.my)

^eAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia (E-mail: abdmu409@uitm.edu.my)

^fAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

^gPelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail : hafizcaster94@gmail.com)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 1-2-2026
Revised date : 20-2-2026
Accepted date : 5-3-2026
Published date : 12-3-2026

To cite this document:

Abidin, M.Z.H.Z., Hassan, P., Salleh, M.Y.Y., Yaacob, H.R.M., Noh, A.M.M., Razak, M.I.A. & Rosli, M.H. (2026). Tanggungjawab Sosial Korporat Terhadap Komuniti Setempat: Program Motivasi Bersama Persatuan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 2(1), 9-17.

Abstrak: Tanggungjawab sosial korporat (CSR) merupakan salah satu peranan yang diberikan kepada universiti dalam menyumbang kepakaran, idea dan tenaga untuk memenuhi keperluan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Antara bentuk pelaksanaan yang boleh dilaksanakan ialah dengan menumpukan aspek pembangunan sahsiah dan kendiri. Ini memandangkan realiti kehidupan masa kini semakin mencabar dan memerlukan motivasi yang tinggi dalam membentuk keperibadian yang ideal. Justeru itu, satu usaha khidmat masyarakat berbentuk program motivasi telah dilaksanakan bersama Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak. Objektif program ini adalah untuk memberikan sokongan moral, motivasi, dan bimbingan kepada anak-anak yatim dan miskin yang menjadi penghuni rumah kebajikan tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menumpukan kepada analisis dokumen, temu bual dan observasi. Data-data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dalam menjelaskan dapatan daripada kajian yang dilaksanakan. Hasil kajian ini mendapati bahawa anak-anak yatim dan miskin di al-Munirah mendapat impak yang positif daripada aktiviti yang dijalankan di dalam program tersebut. Mereka telah memberikan komitmen yang baik di dalam aktiviti berkumpulan, keyakinan komunikasi, pembangunan rohani, permainan interaktif dan latihan-latihan kendiri serta praktikal yang dibimbing oleh para fasilitator. Kesimpulannya, program ini dilihat dapat memberikan kesejahteraan emosi dan sosial kepada anak-anak yatim dan miskin serta memupuk semangat kesukarelawanan dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) terhadap masyarakat.

Kata Kunci: CSR, Motivasi, Yatim, Miskin, al-Munirah

Abstract: Corporate Social Responsibility (CSR) represents one of the roles entrusted to universities in contributing expertise, ideas, and manpower to meet the needs and enhance the well-being of the local community. One form of implementation that can be carried out is by focusing on character and personal development. This is particularly relevant given that contemporary life is increasingly challenging and requires strong motivation in shaping an ideal personality. In this regard, a community service initiative in the form of a motivational program was conducted in collaboration with the Al-Munirah Welfare Association for Orphans and the Underprivileged, Parit, Perak. The objective of the program was to provide moral support, motivation, and guidance to the orphans and underprivileged children residing at the welfare home. This study employed a qualitative approach, focusing on document analysis, interviews, and observation. The data collected were analyzed descriptively to explain the findings of the study. The results indicate that the orphans and underprivileged children at Al-Munirah experienced positive impacts from the activities conducted during the program. They demonstrated strong commitment in group activities, improved communication confidence, spiritual development, interactive games, and self-development as well as practical training sessions guided by the facilitators. In conclusion, the program was found to contribute to the emotional and social well-being of the orphans and underprivileged children, while also fostering a spirit of volunteerism in corporate social responsibility (CSR) activities towards the community.

Keywords: CSR, Motivation, Orphans, Underprivileged, Al-Munirah

PENGENALAN

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan satu inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh institusi-institusi tertentu dalam menjalinkan hubungan dengan komuniti dan masyarakat. Ia juga merupakan budaya atau nilai yang dilaksanakan secara sukarela sama ada oleh syarikat atau individu kerana kesedaran menunaikan tanggungjawab yang memberikan manfaat terhadap masyarakat dan alam sekitar (Syahrina et al., 2013). Dalam aspek komuniti, CSR menumpukan kepada usaha dalam meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan serta mengharmonikan hubungan yang telah terjalin (Sarmila et.al., 2015).

Program tanggungjawab sosial juga berperanan dalam meningkatkan serta memperkukuhkan Kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar terutamanya di institusi pengajian tinggi. Aktiviti ini telah didorong oleh pelbagai motivasi yang bermatlamat untuk kepentingan pelbagai pihak dalam penjagaan kebajikan, alam sekitar serta membantu golongan yang memerlukan seperti anak-anak yatim (Nur Angriani, 2023). Melihat kepada perlunya penyertaan institusi dalam aktiviti kemasyarakatan, maka satu inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak untuk mengadakan satu program kem motivasi bersama-sama anak yatim dan miskin yang dikelola oleh Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak. Program ini melibatkan para pensyarah ACIS UiTM Cawangan Perak serta beberapa orang fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dibawah Kelab Fasilitator Unit Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak.

SOROTAN LITERATUR

Sarmila et al. (2012) telah menghasilkan satu artikel untuk mengkaji impak Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) terhadap pembangunan ekonomi komuniti di Pasir Puteh Kelantan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan melaksanakan temubual terhadap 45 orang peladang yang terlibat dengan projek ekonomi tersebut iaitu projek perladangan cili kontrak di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini juga menggunakan analisis tematik dengan menumpukan kepada tiga tema utama kajian iaitu peluang pekerjaan, penjanaaan sumber pendapatan dan penjanaaan aset. Hasil kajian mendapati TSK yang dilaksanakan telah memberikan impak yang positif dalam kehidupan komuniti yang terlibat. Projek ini telah berjaya membuka peluang pekerjaan, meningkatkan sumber pendapatan serta memberi peluang kepada peserta untuk memiliki aset-aset peribadi hasil daripada pendapatan yang diperolehi. Justeru itu, projek-projek yang memberi nilai tambah yang baik kepada komuniti perlu ditingkatkan untuk menyumbang kepada penjanaaan ekonomi khususnya kepada masyarakat desa.

Kajian yang dilaksanakan oleh Azlinda et al. (2016) pula berkaitan dengan pandangan melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) menurut perspektif Islam. Ini kerana pentakrifan, pelaksanaan dan penilitian TSK yang dilaksanakan kini tertumpu kepada perspektif Barat yang mengutamakan kepentingan dunia, tidak berpandukan syariat serta menilai manfaat yang akan diperolehi. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan proses temubual terhadap informan yang terdiri daripada kalangan ulama. Hasil kajian mendapati TSK menurut perspektif Islam ialah berasaskan ketakwaan berdasarkan prinsip amal makruf nahi munkar, amanah, ikhlas dan menjaga hubungan dengan Allah SWT serta hubungan dengan manusia. Sumber utama dalam melaksanakan TSK ialah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah yang menekankan nilai-nilai tersebut. Kesimpulannya, aspek-aspek pematuhan kepada syariah dan menekankan unsur-unsur kebaikan perlu diutamakan dalam melaksanakan program

atau aktiviti berbentuk TSK oleh sesebuah organisasi. Ianya akan memberi impak manfaat yang positif terhadap pembangunan ummah.

Muhammad Zaiamri et al. (2017) pula telah melaksanakan kajian berkaitan kesan Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR terhadap pembentukan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Ini berdasarkan kepada CSR melalui iklan “Burung Murai” yang dilakukan oleh syarikat Petronas. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada 270 orang pelajar Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Kajian ini mendapati bahawa iklan tersebut telah memberikan kesan yang baik kepada persepsi dan nilai kasih sayang terhadap ibu bapa dalam diri pelajar. Kajian ini juga menunjukkan terdapat perkaitan antara pemerhatian atau pendedahan individu kepada mesej yang disampaikan oleh media dalam membentuk persepsi yang akan mempengaruhi pembentukan nilai murni terhadap diri mereka.

Manakala Solahuddin Abdul Hamid (2016) pula telah menjelaskan tentang kepentingan pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) terhadap pembangunan dan ekonomi khususnya kepada masyarakat Islam. Kajian berbentuk kualitatif ini mendapati bahawa konsep CSR sejajar dengan tuntutan Islam selain mengutamakan masyarakat Islam bantu membantu antara satu sama lain. Aspek keusahawanan juga perlu melibatkan usaha-usaha untuk membantu masyarakat dan bukan hanya mengutamakan keuntungan semata-mata. Rumusnya, aktiviti dan amalan CSR dalam kalangan usahawan perlu diperluaskan kerana banyak kesan positif yang dapat dicapai. Antara lain ianya meningkatkan pembangunan ekonomi sama ada terhadap individu dan masyarakat secara keseluruhan serta sebagai usaha untuk mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT.

Kajian berkaitan dengan program motivasi telah dilakukan oleh Fitri (2021) berkaitan impak program motivasi dalam meningkatkan kesedaran pentingnya pendidikan formal dalam kalangan anak yatim di Yayasan Yatim Piatu Desa Mekarmukti Lampung Timur, Indonesia. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk soal selidik tentang kesan yang diperolehi sebelum dan selepas program dilaksanakan. Program motivasi ini dilaksanakan dengan penglibatan anak yatim dalam program motivasi yang dilaksanakan serta analisis berkaitan kesan tentang kesedaran pentingnya pendidikan formal yang perlu diperolehi oleh mereka. Dapatan kajian ini mendapati bahawa program motivasi yang dilaksanakan telah meningkatkan motivasi dan keyakinan anak-anak yatim tersebut untuk mengikuti pendidikan formal. Kajian ini memberi saranan agar yayasan ini meningkatkan kerjasama dengan badan-badan formal atau tidak formal untuk mendapatkan bantuan yang sewajarnya sama ada dalam bentuk material ataupun ilmu pengetahuan.

Nur Angriani Nurja et al. (2023) pula telah melaksanakan satu kajian bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan projek pelajar dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban melalui program berlatarbelakangkan tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik berkaitan penilaian pelaksanaan program, pengurusan program dan impak program. Dapatan kajian menunjukkan skor min yang tinggi bagi setiap konstruk serta wujud hubungan yang signifikan berkaitan pelaksanaan program tanggungjawab sosial dan peningkatan nilai etika dalam kalangan pelajar. Kajian ini merumuskan bahawa program tanggungjawab sosial dapat membentuk unsur-unsur yang baik dalam menimbulkan perasaan mengambil berat kepada kesusahan yang dialami oleh anggota masyarakat yang tidak bernasib baik. Aspek ini sejajar dengan agenda pendidikan negara dalam membentuk generasi muda yang mempunyai jati diri dan nilai empati yang sebaiknya.

METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana kajian yang dilaksanakan bertujuan untuk memahami pengalaman dan perubahan sahsiah dalam kalangan peserta program secara mendalam serta kontekstual. Menurut Creswell dan Poth (2018), pendekatan kualitatif sesuai digunakan apabila penyelidik ingin meneroka fenomena sosial yang melibatkan nilai, pengalaman dan tafsiran individu dalam persekitaran semula jadi. Reka bentuk kajian pula adalah berbentuk kajian kes yang menumpukan kepada pelaksanaan program motivasi bersama Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah. Kajian kes membolehkan penyelidik memahami fenomena secara menyeluruh dalam konteks sebenar serta menganalisis hubungan antara intervensi program dan impaknya terhadap pembangunan rohani, emosi dan sosial peserta (Yin, 2018).

Pengumpulan data dijalankan melalui tiga kaedah utama iaitu analisis dokumen, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Analisis dokumen melibatkan penelitian terhadap kertas kerja program, modul motivasi serta laporan pelaksanaan bagi memahami struktur dan pendekatan yang digunakan. Temu bual separa berstruktur pula memberi ruang kepada peserta untuk menjelaskan pengalaman mereka berkaitan perubahan motivasi diri, keyakinan komunikasi, pembangunan spiritual serta kesejahteraan emosi selepas mengikuti program. Pemerhatian dilaksanakan sepanjang aktiviti berlangsung bagi menilai tahap penglibatan, interaksi sosial serta respons terhadap pendekatan motivasi yang digunakan. Penggunaan pelbagai kaedah ini membolehkan triangulasi data dilaksanakan bagi meningkatkan kesahan dapatan (Denzin, 1978). Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan tematik. Analisis dilakukan secara deskriptif dengan memberi perhatian kepada elemen pembangunan sahsiah, pembentukan nilai dan kesejahteraan sosial peserta. Manakala analisis tematik pula melibatkan pengkodan data secara sistematik, pengelompokan kod kepada tema utama serta pentafsiran makna berdasarkan pola yang dikenal pasti (Braun & Clarke, 2006).

Secara keseluruhannya, pendekatan kajian kes kualitatif ini membolehkan penilaian menyeluruh terhadap pelaksanaan program CSR universiti dalam konteks komuniti setempat serta menjelaskan sumbangannya terhadap pembangunan insan dan kesejahteraan sosial selaras dengan nilai-nilai Islam.

PERBINCANGAN

Sejarah Penubuhan Persatuan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak

Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin al-Munirah diasaskan pada tahun 2002 di Kampung Johan Setia, Kelang, Selangor. Pada tahun 2005, pihak persatuan telah berjaya membina sebuah rumah anak yatim yang dikenali dengan Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin al-Munirah yang kemudiannya dijadikan sebagai pusat operasi persatuan. Pada tahun 2010, pihak persatuan telah berjaya menubuhkan cawangan pertamanya di Pendang, Kedah.

Cawangan kedua ialah Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin al-Munirah, Parit, Perak yang ditubuhkan pada 1 Januari 2017. Pihak persatuan telah menerima sebidang tanah wakaf berkeluasan 0.7491 hektar yang beralamat di lot 10285, Batu Empat, Kg. Tanjung Dedalu, Parit, Perak. Tanah ini dipindah milik melalui perwakafan oleh pemilik asal pada tahun 2016. Terdapat sebuah rumah dua tingkat di atas tanah berkenaan yang berstrukturkan separuh batu dan separuh kayu. Pengubahsuaian telah dilaksanakan oleh pihak al-Munirah dengan membina ruangan dapur, dewan makan, pejabat dan surau. Dana untuk tujuan ini diperolehi daripada pusat operasi al-Munirah Kelang melalui sumbangan infaq dan jariah orang ramai. Seramai 8

orang kakitangan telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan rumah anak yatim ini dengan perbelanjaan sepenuhnya hasil sumbangan jariah orang ramai. Kini, bilangan pelajar yang berada di bawah jagaan persatuan ini di Parit, Perak ialah seramai 23 orang yang terdiri daripada anak yatim dan miskin dari kawasan sekitar negeri Perak dan seluruh Malaysia. Para pelajar pula terdiri daripada pelajar lelaki sahaja. Seramai 2 orang warden telah dilantik untuk tujuan pemantauan dan pengurusan. Matlamat penubuhan persatuan ini antaranya ialah menempatkan anak-anak yatim di sekitar Parit, Perak Tengah dan Malaysia dan memberikan bantuan persekolahan, pengajian dan didikan kepada anak yatim dan miskin yang kurang berkemampuan.

Program Motivasi Bersama Persatuan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak

Nilai-nilai keislaman dan motivasi diri perlu diterapkan dalam pelbagai medium oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan ataupun masyarakat. Apabila usaha ini mendapat kerjasama dari pelbagai pihak, usaha-usaha dalam membangunkan masyarakat dapat diadakan dengan lebih giat untuk memberikan impak yang positif dalam kehidupan mereka. Justeru itu, pihak ACIS UiTM Cawangan Perak telah mengadakan satu program di bawah tanggungjawab sosial universiti (*University Social Responsibility*) bersama Pusat Jagaan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah, Perak. Ia merupakan satu usaha dari pihak ACIS UiTM Cawangan Perak untuk menjalinkan hubungan kemasyarakatan dengan warga Pusat Jagaan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah, Perak.

Pelajar di Pusat Jagaan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah terdiri daripada pelajar miskin dan anak yatim. Mereka berhadapan dengan masalah keyakinan diri apabila berhadapan dengan orang luar. Begitu juga dengan kemahiran komunikasi yang sedikit sebanyak meminimalkan perkembangan pelajaran dan akademik mereka. Justeru itu, mereka memerlukan satu program bagi membolehkan mereka mendapat ilmu yang dapat membantu untuk mengatasi masalah tersebut.

Peserta program terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah seramai 25 orang. Mereka ini ditempatkan di bawah jagaan Persatuan Kebajikan Anak Yatim & Miskin Al-Munirah, Parit, Perak. Selain itu, seramai 12 orang fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar turut membantu bagi melaksanakan program Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Program ini juga turut melibatkan para pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dan juga Tapah yang berperanan sebagai pembimbing.

Elemen-Elemen Program Motivasi Bersama Persatuan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak

Dalam program ini, beberapa elemen telah dilaksanakan bagi memberikan pendedahan dan juga motivasi kepada pelajar melalui bimbingan fasilitator yang dilantik. Para pensyarah pula akan memantau dan memberikan pandangan sekiranya ada perkara-perkara yang perlu ditambah baik dalam meningkatkan kualiti program untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Elemen-elemen tersebut ialah:

a) Latihan Dalam Kumpulan (LDK)

Para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang diketuai oleh seorang fasilitator. Para fasilitator telah merangka beberapa modul dan permainan interaktif yang perlu dilaksanakan dalam kumpulan masing-masing berbentuk aktiviti dan kerjasama berkumpulan. Selain itu, beberapa elemen penghayatan dan keyakinan diri turut ditekankan di dalam

kumpulan masing-masing. Beberapa sesi LDK telah dibuat untuk memenuhi modul yang telah ditetapkan daripada sesi pagi sehingga sesi petang hari pertama program tersebut berlangsung.

b) Sesi Ceramah

Sesi ceramah pula berlangsung selepas waktu solat Subuh dan juga selepas waktu Maghrib pada hari pertama dan hari kedua program ini. Para penceramah terdiri daripada beberapa orang pensyarah ACIS yang menekankan elemen-elemen membentuk budaya dan perilaku Islam dalam kehidupan seharian.

c) Praktikal

• Imam Solat Jemaah

Beberapa orang pelajar telah dipilih dan dilantik untuk memimpin solat berjemaah di surau institusi tersebut. Para pelajar diwajibkan untuk hadir solat jemaah setiap waktu dengan pemantauan para pensyarah, fasilitator dan kakitangan yang terlibat. Para pelajar juga akan membaca surah al-Mulk selepas waktu Isyak di surau dengan diketuai oleh imam yang dilantik.

• Senamrobik

Para pelajar telah menyertai aktiviti senamrobik yang diadakan selepas solat Subuh berjemaah di surau. Aktiviti ini dilaksanakan selama satu jam dengan melakukan aktiviti regangan fizikal serta senaman ringan yang dipimpin oleh pensyarah.

• Latihan

Para pelajar juga telah dilatih cara untuk mengadakan sesuatu program. Sebagai persiapan acara kemuncak program ini iaitu majlis penutup, para pelajar dengan bimbingan fasilitator telah dipertanggungjawabkan untuk membuat persediaan merangkumi tempat, keperluan, fasiliti dan perjalanan program. Beberapa orang pelajar juga telah dipilih dan dilatih sebagai pengacara, pembaca doa serta membuat persembahan kumpulan.

Impak Terhadap Peserta Program Motivasi Bersama Persatuan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak

Antara impak program yang dijalankan ialah para peserta mempunyai keyakinan diri terutamanya apabila berhadapan dengan khalayak. Para peserta telah dilatih untuk memberikan ucapan dan perlu mengadakan perbincangan dalam aktiviti berkumpulan. Pernyataan ini adalah berdasarkan transkripsi temu bual berikut :

“Apa yang saya dapat melatih diri menjadi berani pada masa hadapan...harapan saya program sebegini dapat diadakan lagi”

(Informan 1)

“ Kesan daripada program tersebut saya dapat memberanikan diri untuk apa-apa majlis dan memberi keyakinan dan keberanian untuk ke depan menghadapi apa-apa cabaran...semoga program ini dapat dijalankan sekali lagi”

(Informan 2)

“Kesan daripada kem motivasi ini saya lebih berani untuk bercakap di hadapan...harapan saya kem ini dapat dijalankan sekali lagi..mungkin pada tempat-tempat lain”

(Informan 3)

Daripada pemerhatian yang dilaksanakan, para peserta begitu aktif dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh para fasilitator. Mereka juga saling bekerjasama di antara satu sama lain dalam melakukan aktiviti serta menunjukkan komitmen yang baik apabila sesi penerangan dan bimbingan diberikan oleh para fasilitator. Selain itu, keyakinan untuk berkomunikasi dapat dilihat apabila peserta yang terpilih dapat menjalankan tugas sebagai pengerusi majlis dan pembaca doa. Peserta juga dilihat dapat memberikan persembahan yang baik berdasarkan kreativiti kumpulan masing-masing pada upacara penutup program.

Dalam aspek kerohanian pula, para peserta dilihat dapat memberikan komitmen dan perhatian terhadap aktiviti yang dijalankan seperti sesi ceramah, zikir dan bacaan al-Quran. Mereka juga mempraktikkan adab yang mulia semasa berada dalam majlis ilmu seperti tidak bercakap-cakap dan memberi tumpuan terhadap penyampaian yang dilakukan. Mereka juga dapat hadir solat jemaah pada setiap waktu. Para imam yang dilantik dalam kalangan mereka juga dapat mengimamkan solat berjemaah dengan baik. Mereka juga menghormati para pensyarah yang terlibat dalam program ini serta memberikan kerjasama terhadap fasilitator yang memberikan bimbingan.

KESIMPULAN

Aktiviti Tanggungjawab sosial korporat (CSR) sememangnya memberikan impak yang baik dalam membentuk hubungan positif antara institusi dan masyarakat. Semua pihak berperanan dalam melaksanakan aktiviti tersebut sama ada pihak kerajaan, swasta serta pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Dalam aspek pendidikan, institusi pengajian tinggi (IPT) berperanan dalam menyampaikan kepakaran serta ilmu dalam membantu masyarakat meningkatkan kualiti hidup dan sumber ekonomi mereka. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar juga dapat memberikan satu pengalaman kepada mereka dalam merapatkan hubungan dengan masyarakat serta memperkembangkan kebolehan, sikap dan motivasi diri.

Program yang dijalankan bersama Pusat Jagaan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah, Parit, Perak telah memberikan satu sumbangan kepada membentuk keperibadian, sahsiah dan motivasi peserta terlibat. Para pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran untuk berkomunikasi, kemahiran sendiri serta meningkatkan motivasi ke arah kehidupan yang lebih sempurna. Para pensyarah serta fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi juga berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab menguruskan program dengan sebaiknya serta memberikan pengalaman kepada mereka untuk bersama-sama masyarakat dalam menjalankan aktiviti tertentu. Program ini ternyata memberikan kesan yang baik terutamanya dalam membina keyakinan diri untuk berkomunikasi dan mempraktikkan akhlak Islam dalam segenap aspek kehidupan.

RUJUKAN

- Azlinda Boheran Nudin, Che Su Mustaffa & Mohd Khairie Ahmad. (2016). Konsep tanggungjawab sosial korporat bercirikan islam: analisis pandangan ulama di Malaysia. *Management Research Journal*, 6(1), 8-21.
- Fitri April Yanti, Sulis Anjarwati, Hendri Noperi & Wahyu Stiawan. (2021). Peningkatan motivasi pada anak yatim piatu untuk mengikuti jenjang pendidikan formal. *Jurnal Abdimas (Journal of Community Service): Sasambo*, 3(1), 25-31.
- John W. Creswell & Cheryl N. Poth. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Muhammad Zaiamri Zainal Abidin, Nursyamira Shaid & Hasmah Zanuddin. (2017). Kempen Tanggungjawab Sosial Korporat dan persepsi khalayak: Kesan kempen terpilih Petronas

terhadap sikap kasih sayang golongan pelajar kepada ibu bapa. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 19(2), 53-64.

Nur Angriani Nurja, Mohd Zulhasnan Mat & Raja Ahmad Raja Husin. (2023). Pelaksanaan projek tanggungjawab sosial meningkatkan Penghayatan Etika dan Peradaban pelajar Politeknik Kota Kinabalu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), 1-11.

Norman Kent Denzin. (1978). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods* (2nd ed.). McGraw-Hill.

Profil Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin al-Munirah

Robert K. Yin. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications.

Sarmila MS, Zaimah R, N. Lyndon, Azima AM, Suhana Saad, Selvadurai S. (2012). Tanggungjawab Sosial Korporat dan pembangunan ekonomi komuniti: Kajian kes perspektif komuniti penerima. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 8(9), 1-12.

Sarmila MS, Zaimah R, Novel Lyndon, Azima AM, Suhana Saad, Rosniza Aznie Che Rose. (2015). Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan pembangunan modal sosial komuniti: Kajian kes projek CSR perladangan cili kontrak. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7), 104 – 115.

Solahuddin Abdul Hamid. (2016).Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR): Analisis berdasarkan tasawur Islam. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK 2016) Jilid 2* (pp. 290-307). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Syahrina Abdullah, Armanurah Mohamad & Nor Idayu Mahat. (2013). Tahap kesedaran terhadap Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam kalangan staf di organisasi korporat di Malaysia. *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi 2013*. (pp.1903-1909).

Virginia Braun & Victoria Clarke. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.